TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org

**900/1** **STPM**

# PENGAJIAN AM

**KERTAS 1**

**(Dua Jam)**

**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JOHOR BAHRU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN**

*Ada* ***enam puluh*** *soalan dalam ujian ini. Tiap – tiap soalan diikuti oleh* ***empat*** *pilihan jawapan : anda dikehendaki memilih jawapan yang tepat sekali dan menandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.*

*Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

*Jawab* ***semua*** *soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah : jumlah markah anda dalam ujian ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 18 halaman bercetak.**

© Panitia Pengajian Am Johor Bahru



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org


- Melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisplin dan terlatih

1. Pernyataan di atas merupakan matlamat

A Dasar Pendidikan Negara
B Dasar Pembangunan Nasional
C Dasar Kependudukan Negara
D Wawasan 2020

- Membentuk masyarakat Malaysia yang bermaruah tinggi
- Melahirkan kakitangan awam yang bersikap positif, berhemah dan bertanggungjawab menjalankan tugas

2. Yang manakah dibentuk untuk mencapai objektif di atas

A Dasar Integrasi Nasional
B Dasar Bersih, Cekap dan Amanah
C Dasar Kepimpinan Melalui Teladan
D Dasar Penerapan Nilai- Nilai Islam

3. Tumpuan utama dalam RRJP 3 adalah kepada projek-projek

A Pembangunan luar Bandar
B Pembangunan sektor perindustrian yang berdaya saing
C Mengukuhkan sektor industri berat
D Mengawal pertumbuhan hartanah dengan lebih ketat

- Mewujudkan industri kampung dan perusahaan kecil
- Mengelompokkan dan menyusun semula kampung-kampung kecil
- Mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil

4. Yang manakah antara berikut dipertanggungjawabkan untuk mencapai objektif di atas

A Dasar Pertanian Negara
B Rancangan Pembangunan Bandar Baru
C Rancangan Industri Kecil dan Sederhana
D Dasar Hala Cara Baru dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar


TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

5. Isu subsidi minyak kini semakin hangat diperkatakan, yang manakah antara berikut tujuan subsidi minyak diberikan oleh kerajaan?

A mengelakkan produktiviti Negara merosot
B melindungi industri pengeluaran minyak Negara
C supaya harga runcit minyak lebih rendah berbanding dengan harga pasaran
D mengurangkan desakan rakyat yang terbeban akibat kenaikan harga minyak

6. Yang manakah **benar** tentang konsep Islam Hadhari di Malaysia?

A memperkasakan aspek kekeluargaan untuk mencapai kejayaan duniawi
B memelihara sistem sosial bagi mewujudkan cara hidup mewah dan bahagia
C menguruskan alam sekitar dengan berkesan untuk kesejahteraan dunia Islam
D menjadikan warisan dan tamadun Islam sebagai pendorong pembangunan umat Islam dalam semua bidang kehidupan

Soalan 7 berdasarkan pernyataan berikut :

- Perundingan berterusan antara Negara Dunia Ketiga dengan Negara-negara perindustrian mengenai isu-isu ekonomi antarabangsa
- Melibatkan persidangan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD)

7. Yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?
A Dialog Utara – Selatan
B Dialog Selatan – Selatan
C Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WHO)
D Order Baru Ekonomi Antarabangsa (NIEO)

8. Yang manakah antara berikut merupakan langkah kerajaan untuk memastikan Industri Automobil Nasional tidak terjejas dengan pelaksanaan dasar AFTA?
I pembelian komponen dan bahan mentah dari pelbagai Negara
II meningkatkan keupayaan kejuteraan dan mereka bentuk kereta nasional
III peningkatan daya saing syarikat pembekal komponen vendor kereta nasional
IV memperkenalkan pelbagai cukai untuk mengawal kemasukan kereta buatan negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

9 Yang manakah antara yang berikut merupakan penetapan dasar luar bagi sesebuah negara

I Melindungi kepentingan bersama dalam sistem antarabangsa yang sering bertukar-tukar

II Melindungi kepentingan nasional terutamanya keselamatan Negara

III Menjaga kestabilan politik dan ketenteraan dunia

IV Menjalin hubungan diplomatik dengan Negara-negara luar

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

10 Deklarasi Putrajaya 2003 mengenai Pertubuhan Negara-negara Islam adalah bertemakan

A Perpaduan Ummah menjana Perpaduan Islam
B Penguasaan Ilmu Meningkatkan Pembangunan Negara-negara Islam
C Ilmu dan Akhlak Untuk Kesatuan, Maruah dan Pembangunan Ummah
D Peningkatan Ilmu Sains dan Teknologi Untuk Pembangunan Negara Islam

11 Antara penyataan berikut, yang manakah yang dapat menerangkan konsep ketertinggian perlembagaan ?

A Perlembagaan dirujuk dalam penggubalan undang – undang negara.
B Undang – undang tertinggi yang dipatuhi oleh pemerintah sesebuah negara
C Parlimen berkuasa menggubal undang – undang mengikut bidang kuasa tanpa merujuk perlembagaan
D Parlimen akan merujuk perlembagaan jika gagal mencapai kesepakatan dalam sesuatu isu

12 Antara peristiwa berikut, yang manakah akan mengakibatkan terlucutnya taraf kewarganegaraan seseorang ?

A Encik Kamal mengadakan hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat
B Encik Kamil, warganegara secara pendaftaran telah didapati bersalah menjual dokumen sulit Kerajaan Persekutuan
C Encik Lee telah tersilap memberi maklumat diri anaknya dan telah melaporkan perkara itu di Pejabat Pendaftaran.
D Suami Siti yang merupakan warganegara Persekutuan meninggal dunia selepas Siti memperolehi kewarganegaraan secara pendaftaran.



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



13 Yang manakah antara berikut merupakan hak keistimewaan orang melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak ?

I. Memegang jawatan perkhidmatan awam
II. Pemberian permit dalam perniagaan
III. Hak memajukan diri dari aspek pembangunan ekonomi
IV. Hak melindungi diri daripada tindakan oleh pihak kerajaan

A I dan II
B II dan III
C I dan III
D III dan IV

14 Antara majlis yang berikut, yang manakah ditubuhkan untuk mengadakan pertalian dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

I. Majlis Kewangan Negara
II. Majlis Tanah Negara
III. Majlis Keselamatan Negara
IV. Majlis Perancangan Negara

A I dan II
B I dan III
C I dan IV
D II dan IV

15 Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa Kerajaan Negeri sahaja ?

I. Pindaan status tanah mengikut jenis seperti tanah industri, pertanian dan perumahan
II. Pentadbiran Undang – undang Islam dan kerajaan tempatan
III. Kebajikan orang – orang asli
IV. Bantuan kewangan dan kemudahan lain kepada mangsa La Nina

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

16 Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang struktur dan penjawat jawatan dalam pentadbiran negeri Sarawak ?

| | Struktur | Penjawat Jawatan |
|---|---|---|
| I | Bahagian | Setiausaha Negeri |
| II | Daerah | Pegawai Daerah |
| III | Daerah Kecil | Pegawai Perkhidmatan Tadbir Sarawak |
| IV | Kampung | Ketua Kampung |

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

17 Yang manakah antara yang berikut merupakan agensi di bawah kawalan kerajaan negeri ?

I. **Jabatan Imigresen Negeri**
II. **Lembaga Hasil Dalam Negeri**
III. **Unit Perancang Ekonomi Negeri**
IV. **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri**

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

18 Negeri – negeri yang mempunyai Jabatan Pembangunan Persekutuan ialah

A Perlis
B Sabah
C Sarawak
D Kelantan

19 Antara yang berikut yang manakah kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong ?

I. Mengisytiharkan darurat
II. Melantik Ketua Kerajaan Persekutuan
III. Melantik ahli Majlis Raja – raja
IV. Menolak permintaan untuk membubarkan Parlimen

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

20 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang badan eksekutif negara ?

I. Badan eksekutif tertinggi adalah kabinet
II. Ketua eksekutif ialah Perdana Menteri
III. Kuasa eksekutif dipegang oleh Perdana Menteri
IV. Perlaksanaan tugas eksekutif ialah Yang di-Pertuan Agong

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

21

- Penasihat pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- Penyelaras jentera pentadbiran Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

Pernyataan di atas merujuk kepada

A Timbalan Perdana Menteri
B Setiausaha Parlimen
C Ketua Setiausaha Negara
D Ketua Setiausaha Kementerian

22 Kementerian yang membuat dan menyimpan akaun sendiri ialah
I. Kementerian Kerja Raya
II. Kementerian Pertahanan
III. Kementerian Penerangan
IV. Kementerian Pelajaran

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | I dan II | C | II dan IV |
| B | I dan III | D | III dan IV |

23 Yang manakah **benar** tentang Setiausaha Kerajaan Negeri ?
I. Pegawai pentadbir utama negeri
II. Menjadi ketua perkhidmatan awam negeri
III. Merupakan setiausaha kepada Dewan Undangan Negeri
IV Mengawal selia agensi – agensi Kerajaan Persekutuan agar sentiasa menepati kehendak dasar Kerajaan Negeri

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

24 Antara yang berikut, yang manakah merupakan Peruntukan Tetap yang dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri ?
I. Jabatan Negeri
II. Suruhanjaya Negeri
III. Dewan Undangan Negeri
IV. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

25 Keseragaman bentuk kerajaan tempatan di negara ini adalah berasaskan kepada

A Akta Kerajaan Tempatan 1976
B Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
C Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
D Undang – undang kecil Bangunan Seragam 1984



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



26 Antara keanggotaan berikut, manakah ahli yang dipilih melalui pilihanraya ?

I Ahli Dewan Negara
II Ahli Dewan Rakyat
III Ahli Dewan Undangan Negeri
IV Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

27 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar mengenai pilihanraya ?

A. Persempadanan semula Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dibuat 5 tahun sekali
B. Semasa pilihanraya kecil bagi Dewan Undangan Negeri mesti diadakan 30 hari selepas berlaku kekosongan
C. Pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari selepas penamaan calon bagi semua Dewan Undangan Negeri
D. Keputusan pilihanraya boleh dipertikai di Mahkamah Tinggi.

28 Beberapa jawatankuasa diwujudkan di Parlimen dengan tujuan membantu dalam pengurusan tugas-tugas parlimen. Antara jawatankuasa berikut, yang manakah terlibat dengan jawatankuasa berkenaan ?

I Jawatankuasa Hak Ahli
II Jawatankuasa Pemilihan
III Jawatankuasa Pemecatan
IV Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 29 berdasarkan pernyataan berikut :

- Biasanya memegang jawatan selama 5 tahun
- Pengerusi badan ini merupakan ketua kerajaan

29 Keahlian yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas ?

A. Ahli Dewan Rakyat
B. Ahli Dewan Negara
C. Ahli Dewan Undangan Negeri
D. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

30 Draf rang undang-undang yang dibawa untuk kelulusan Parlimen disediakan oleh

A. Menteri Kabinet
B. Setiausaha Parlimen
C. Jabatan Peguam Negara
D. Ketua Setiausaha Negara

31 Antara berikut, yang manakah merupakan beberapa agenda penting dalam persidangan pertama DUN selepas pilihanraya ?

I Melantik ketua pembangkang
II Membahas rang undang – undang
III Mewartakan rang undang - undang
IV Melantik speaker dan timbalan speaker Dewan Undangan Negeri

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

32 Antara berikut yang manakah benar tentang Dewan Rakyat

I Setiausaha Dewan Rakyat ialah Ketua Setiausaha Negara
II Perdana Menteri merupakan Yang Dipertua Dewan Rakyat
III Yang Dipertua Dewan Rakyat boleh dipilih di luar dewan
IV Parti yang menguasai majoriti kerusi di Dewan Rakyat akan membentuk kerajaan

A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

33 Yang manakah merupakan peranan utama Dewan Negara ?

A. Membahaskan isu-isu kepentingan rakyat jelata
B. Meluluskan dasar-dasar kerajaan yang dibentuk oleh Kabinet
C. Memperjuangkan hak-hak rakyat supaya tidak ditindas oleh mana-mana pihak
D. Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat

34 Yang manakah di antara pernyatan berikut benar mengenai keahlian Majlis Parlimen di Malaysia?

| | Majlis Parlimen | |
|---|---|---|
| | Dewan Negara | Dewan Rakyat |
| I | Ahli dilantik oleh Yang DiPertua Agong | Ahli dipilih oleh rakyat |
| II | Ahli berumur 30 tahun ke atas | Ahli berumur 21 tahun ke atas |
| III | Tempoh perkhidmatan sepenggal ialah 3 tahun | Tempoh perkhidmatan sepenggal ialah 5 tahun |
| IV | Tempoh maksimum perkhidmatan ialah 6 tahun | Tempoh maksimum perkhidmatan ialah 10 tahun |



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



A I dan II C II dan III
B I dan III D II dan IV

35 Yang manakah di antara berikut **benar** tentang keahlian Dewan Undangan Negeri?
I Ahli dipilih menerusi pilihanraya
II Ahli mestilah pemastautin negeri yang berkenaan
III Ahli boleh menjadi ahli Dewan Rakyat
IV Ahli mestilah mewakili sebuah parti politik di Malaysia
A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

36 Antara yang berikut, yang manakah syarat-syarat untuk mendengar sesuatu kes rayuan di Mahkamah Rayuan ?
I Mahkamah Tinggi sudah membuat keputusan dalam kes berkenaan
II Mahkamah Tinggi sudah menjalankan siasatan awal untuk kes-kes sivil yang dirayu
III Mahkamah Tinggi sudah menjalankan siasatan awal kes-kes pembunuhan yang dirayu
IV Kes rayuan sivil mesti melibatkan wang melebihi RM250,000.00

A I dan II C I dan IV
B I dan III D II dan IV

37 Selain statut, doktrin duluan yang dipakai juga sebagai sumber undang-undang dalam sistem perundangan Malaysia. Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada doktrin duluan ?
I Hakim mahkamah mematuhi arahan Ketua Hakim Negara dalam usaha mengadili kes
II Hakim mahkamah yang kanan lebih berkuasa daripada hakim mahkamah yang baru dilantik
III Hakim mahkamah berhak membuat prinsip kehakimannya sendiri sekiranya tidak ada peruntukan dalam undang-undang bertulis
IV Hakim mahkamah berhak membuat pilihan antara prinsip undang-undang yang terkandung dalam keputusan mahkamah sebelumnya

A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



Soalan 38 berdasarkan penyataan berikut :

*" suatu perintah bertulis yang dikeluarkan oleh mahlamah bertujuan menghalang Akhbar Y menyiarkan berita atau cerita mengenai penyanyi K "*

38 Dokumen yang dimaksudkan ialah
A. *Injuksi*
B. *Afidavit*
C. *Ultra Vires*
D. *Writ Habeass Corpus*

39 Antara tindakan mereka, manakah pilihan untuk membela diri yang diberikan oleh mahkamah kepada tertuduh ?
I Memohon rayuan supaya dibebaskan
II memberi keterangan secara bersumpah di kandang saksi
III memohon dibicarakan semula di mahkamah yang berlainan
IV Memberi keterangan di kandang saksi dan boleh disoal balas oleh pihak Pendakwa

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Soalan 40 berdasarkan penyataan berikut :

- Boleh membicarakan semua kes sivil dan jenayah
- Boleh memeriksa rekod perbicaraan mahkamah yang lebih rendah

40 Pernyataan di atas merujuk kepada
A. Mahkamah Sesyen
B. Mahkamah Rayuan
C. Mahkamah Tinggi
D. Mahkamah Persekutuan

Soalan 41 berdasarkan penyataan berikut :

- Umur 17 tahun
- Pertuduhan membunuh dengan niat

41 Mahkamah manakah yang boleh dikaitkan dengan maklumat kes di atas

A Mahkamah Sesyen
B Mahkamah Tinggi
C Mahkamah Juvana
D Mahkamah Persekutuan



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

42 Antara yang berikut, yang manakah prosedur untuk membolehkan tertuduh dihadapkan ke mahkamah ?

I Melalui sapina
II Melalui *Habeas Corpus*
III Melalui Waran tangkap
IV melalui perintah saman oleh mahkamah

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Soalan 43 berdasarkan penyataan berikut :

**Butiran Kes :**
10 Mei 2006 :
Majistret Mahkamah Majistret di Kedah menarik balik penggantungan lessen memandu seorang lelaki kes langgar mati sehingga perbicaraan kesnya selesai

12 Mac 2005 :
Hakim Mahkamah Tinggi di Johor memerintahkan lesen memandu seorang pemandu kes kemalangan jalan raya yang meragut 4 nyawa dikembalikan sehingga kesnya selesai dibicarakan

43 Apakah prinsip undang-undang yang digunakan dalam kes di atas ?

A Konsep Duluan Kehakiman boleh diguna pakai dalam kes ini
B Perlembagaan Persekutuan diguna pakai dalam kes-kes yang dirujuk sahaja
C Penggunaan Akta Pengangkutan Jalan terhad kepada pesalah jalan raya sahaja
D Seseorang majistret atau hakim boleh menggunakan budi bicaranya dalam membuat sesuatu keputusan.

44 Yang manakah antara berikut pernyataan yang benar berkait bidang kuasa dan mahkamah

| | Jenis Mahkamah | Bidang Kuasa |
|---|---|---|
| I | Mahkamah Perusahaan | Mengadili kes pentafsiran perjanjian bersama pihak kesatuan dan majikan |
| II | Mahkamah Rayuan | Membicarakan kes rayuan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi terhadap rayuan keputusan Mahkamah Sesyen dalam kes jenayah |
| III | Mahkamah Tinggi | Membicarakan kes sivil dan jenayah berkait amalan agama |



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

| | | |
|---|---|---|
| | | Islam |
| IV | Mahkamah Majistret | Membicarakan kes tentang pembayaran gaji, pertikaian kecil antara majikan dan pekerja |

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

45 Antara kes berikut, yang manakah boleh dirujuk kepada Biro Bantuan Guaman ?

A Puan Amelia menuntut hak penjagaan dua orang anaknya
B Encik Robert dituduh melakukan pecah amanah terhadap wang majikannya
C Encik Jani dituduh menipu kliennya melalui perjanjian berat sebelah
D Cik Ting Ting didakwa oleh Kerajaan Malaysia kerana tidak menghadiri Program Khidmat Negara

Soalan 46 dan 47 berdasarkan jadual di bawah

| Jumlah | RM seorang |
|---|---|
| 100 000 orang yang pertama | 20 |
| 300 000 orang yang kedua | 10 |
| Melebihi 400 000 orang | 5 |

46 Jika sebuah negeri mempunyai penduduk seramai 600 000, berapa banyakkan wang yang diberikan oleh Kerajaan Pusat pada negeri tersebut
A. RM 4 juta
B. RM 5 juta
C. RM 6 juta
D. RM 7 juta

47 Andaikan Negari X mendapat peruntukan sebanyak RM 4 juta dari Kerajaan Pusat, berapa ramaikah penduduk di negeri X?

A 100 000 orang
B 200 000 orang
C 300 000 orang
D 400 000 orang



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

Soalan 48 berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah

| Butiran | Tahun | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 |
| Eksport (RM juta) | 334 284 | 357 430 | 397 884 | 480 740 |
| Import (RM juta) | 280 229 | 300 390 | 316 538 | 400 077 |

48 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang jadual di atas ?

I. Imbangan perdagangan memihak kepada Malaysia
II. Nilai eksport dan import Malaysia sentiasa meningkat
III. Jumlah import Malaysia pada tahun 2003 bertambah sebanyak 4.3% berbanding 2002
IV. Nisbah jumlah eksport dengan jumlah import sentiasa meningkat

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

49 Seorang guru Pendidikan Jasmani membeli empat gelung rotan P, Q, R dan S yang mempunyai diameter yang berbeza. Sekiranya diameter P adalah lebih besar daripada diameter Q dan diameter Q lebih besar daripada diameter R manakala diameter S lebih besar daripada diameter P. Jika guru tersebut menyusun gelung rotan mengikut susunan diameter yang besar diikuti gelung rotan yang lebih kecil, manakah susunan gelung rotan yang betul?

A R, Q, P, S
B S, P, Q, R
C P, Q, R, S
D Q, R, P, S

Soalan 50 dan 51 berdasarkan Jadual di bawah

Jadual : Ringgit Malaysia Bagi Satu Unit Mata Wang Asing

| Mata Wang | Harga Jualan | Harga Belian |
|---|---|---|
| $ (Dolar Euro) | 4.7240 | 4.6300 |
| NZ$ (Dolar New Zealand) | 2.7060 | 2.6870 |

50 Encik Razak mempunyai RM350 000.00 dan ingin membeli saham di New Zealand. Berapakah nilai wangnya jika dihitung dalam Dolar New Zealand?

A. NZ$ 129 342.20
B. NZ$ 130 256.79
C. NZ$ 940 450.00
D. NZ$ 947 100.00



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

51 Dengan wang sebanyak RM 350 000.00 Encik Subra pula telah membeli saham sebanyak 10 000 unit di Perancis. Dalam tempoh 6 bulan harga sahamnya telah meningkat sebanyak 50% daripada harga asal. Berapakah harga semasa (dalam $Dolar Euro) bagi seunit saham yang dibeli oleh Encik Subra selepas 6 bulan?

A. Euro$ 7.41
B. Euro$ 7.56
C. Euro$ 11.11
D. Euro$ 11.34

Soalan 52 dan 53 berdasarkan jadual di bawah

Jadual : Pendapatan Purata Bulanan Kumpulan Etnik di Malaysia

| Pendapatan Purata (RM) | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 1995 | 1999 | 2002 |
| Bumiputera | 1604 | 1984 | 2376 |
| Cina | 2890 | 3456 | 4279 |
| India | 2140 | 2702 | 3044 |
| Lain-lain | 1284 | 1371 | 2165 |
| Malaysia | 2020 | 2472 | 3011 |
| Bandar | 2589 | 3103 | 3652 |
| Luar Bandar | 1326 | 1718 | 1729 |

52 Antara kumpulan etnik di Malaysia, yang manakah menunjukkan peningkatan peratusan terendah pendapatan bulanan tahun 2002 berbanding tahun 1999?

A Bumiputera
B Cina
C India
D Lain-lain

53 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang jadual di atas?

I. Pendapatan bulanan penduduk Malaysia telah meningkat sebanyak 21.8% pada tahun 2002 berbanding tahun 1999
II. Pendapatan bulanan kaum lain-lain paling banyak meningkat dari segi nilai mutlak pada tahun 2002 berbanding tahun 1999
III. Pendapatan bulanan kaum Cina meningkat dua kali ganda pada tahun 2002 berbanding tahun 1995
IV. Pendapatan bulanan penduduk yang tinggal di bandar adalah lebih dua kali ganda berbanding penduduk yang tinggal di luar bandar pada tahun 2002

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

54 Enam orang anggota sebuah panel pendidikan, K, L, M, N, O, dan P duduk di dalam satu bulatan. P duduk diselang satu kerusi daripada K. Beliau sebenarnya duduk di sebelah O. N pula duduk di sebelah kanan M yang duduk selang satu kerusi daripada K. P dan N duduk bersebelahan. Jika bermula daripada K dan mengikut pusingan jam, kedudukan mereka adalah

A L, K, M, N, O dan P
B P, M, N, K, L, dan O
C K, O, P, N, M, dan L
D K, O, M, N, P, dan L

Soalan 55 dan 56 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Waktu di Arab Saudi adalah lewat 5 jam berbanding dengan waktu Malaysia
- Penerbangan Jemaah Haji Malaysia dari KLIA ke Jeddah, dan sebaliknya mengambil masa 8 jam

55 Sekiranya pesawat jemaah haji Malaysia berlepas dari KLIA pada pukul 9:00 malam 3 Disember 2005, pukul berapakah pesawat tersebut dijangka tiba di Jeddah mengikut waktu Arab Saudi?

A. 2:00 pagi 4 Disember 2005
B. 4:00 petang 3 Disember 2005
C. 12:00 tengah malam 3 Disember 2005
D. 12:00 tengah malam 4 Disember 2005

56 Sekiranya pesawat membawa pulang jemaah haji Malaysia bertolak dari Jeddah ke KLIA pada pukul 6:00 pagi 17 Januari 2006 waktu Arab Saudi, pukul berapakah pesawat tersebut dijangka mendarat di KLIA mengikut waktu Malaysia?

A. 1:00 petang 17 Januari 2006
B. 2:00 petang 17 Januari 2006
C. 6:00 petang 17 Januari 2006
D. 7:00 petang 17 Januari 2006



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

Soalan 57 dan 58 adalah berdasarkan jadual di bawah

Jadual Peruntukan untuk Kesihatan di Malaysia, 1996-2005

| Program | 1996-2000 | | 2001-2005 |
|---|---|---|---|
| | Peruntukan (RM Juta) | Perbelanjaan Sebenar (RM Juta) | Peruntukan (RM Juta) |
| Perkhidmatan rawatan pesakit | | | |
| - Hospital baru | 319 | 311 | 1 352 |
| - Naik taraf atau ubah suai pusat rawatan | 383 | 371 | 59 |
| Perkhidmatan awam | | | |
| - Kesihatan luar Bandar | 191 | 181 | 160 |
| - Perkhidmatan pergigian | 6 | 6 | 7 |
| Latihan | 12 | 11 | 67 |
| Perkhidmatan kesihatan yang lain | 33 | 31 | 39 |
| Amalan makanan dan pemakanan | 21 | 10 | 22 |
| Kependudukan | 16 | 10 | 12 |
| Jumlah | 981 | 931 | 2 253 |

57 Antara program berikut, yang manakah yang menunjukkan peratusan yang paling tinggi bagi peruntukan yang tidak dibelanjakan bagi tempoh tahun 1996 hingga tahun 2000?

A Kependudukan
B Hospital baru
C Kesihatan luar Bandar
D Amalan makanan dan pemakanan

58 Antara program yang berikut, yang manakah yang menunjukkan peratusan perubahan peruntukan yang paling tinggi antara tempoh tahun 1996-2000 dengan tempoh tahun 2001-2005?

A Kependudukan
B Kesihatan luar Bandar
C Perkhidmatan pergigian
D Perkhidmatan kesihatan yang lain



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



59 Encik Rahman dan Encik Yahya masing-masing ditugaskan untuk memotong rumput di dua buah padang yang sama luasnya. Encik Rahman mengambil masa 1 jam 30 minit untuk memotong rumput seluas 1/3 daripada padang itu. Berapa minitkah masa yang diambil Yahya untuk menyempurnakan pemotongan rumput seluruh padang, jika keupayaan Encik Yahya adalah dua kali ganda keupayaan Encik Rahman?

A 45 minit
B 75 minit
C 135 minit
D 150 minit

Soalan 60 berdasarkan maklumat di bawah

Iklan Perumahan

- Taman Muhibah
- 30 unit rumah teres dua tingkat intuk dijual
- Harga dari RM 180 000 hingga RM 210 000
- Luas lot tengah = 22' x 70'
  lot tepi = 30' x 70'
- Dijangka siap pada Disember 2006
- Lokasi: Lorong Bakti, Bandar P
- Hak milik kekal

Andaian :

- Harga tanah adalah 20% daripada harga rumah
- Margin keuntungan setiap rumah ialah 15% daripada harga jualan

60 Setelah ditolak dengan harga tanah, berapakah harga jualan sebuah rumah jika dijual pada harga minimum?

A. RM 36 000
B. RM 39 100
C. RM 132 940
D. RM 144 000



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.